

07/06/2003

Kementerian longgar syarat pinjaman 10 tabung

Hussain Said

SEREMBAN: Kementerian Pembangunan Usahawan melonggarkan beberapa syarat pinjaman 10 tabung yang dikendalikan, termasuk Tabung Ekonomi Keusahawanan Kecil Nasional (Tekun).

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Khalid Yunus, berkata keputusan itu bagi memudahkan usahawan Bumiputera membuat pinjaman sekali

gus mengelakkan mereka membuat pinjaman along.

Katanya, kementerian masih mendengar ramai usahawan Bumiputera yang merungut mengenai kesukaran untuk membuat pinjaman Tekun dengan alasan syarat yang ketat.

"Sebenarnya, rungutan itu tidak benar kerana kementerian melonggarkan beberapa syarat pinjaman termasuk menyingkatkan tempoh kelulusan setiap permohonan.

"Kita beri jaminan sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga minggu setiap permohonan lengkap bagi pinjaman dana Tekun yang dikemukakan kepada kementerian akan diluluskan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Bina Berhad di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, dekat sini, semalam.

Khalid berkata kementerian mendapati kelewatan permohonan pinjaman diluluskan berikutan kegagalan pemohon mengisi maklumat lengkap yang diperlukan dalam borang permohonan.

"Kita mendapati ramai pemohon tidak mengisi butiran lengkap.

Sehubungan

itu, proses untuk meluluskannya memakan masa yang lama termasuk pegawai terpaksa memanggil semula individu yang membuat permohonan.

"Jadi, kementerian menasihatkan peminjam supaya memastikan segala butiran dalam borang permohonan diisi dengan lengkap, sebelum menyerahkan permohonan masing-masing," katanya.

Bagi pinjaman Tekun yang diperkenalkan sejak November 1998, katanya, kerajaan sudah meluluskan 66,969 permohonan membabitkan dana kira-kira RM269 juta.

"Dalam pakej ekonomi yang diumumkan baru-baru ini oleh Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk pinjaman Tekun.

"Semua ini membuktikan usaha kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai Bumiputera bergiat dalam bidang perniagaan terutama secara kecil-kecilan," katanya.

Sementara itu, katanya, kerajaan sedang mengkaji untuk menyelaraskan kira-kira 44 tabung yang dikendalikan beberapa kementerian bagi mengelakkan pertindihan.